

PENDEKATAN IBNU ADEL AL-HAMBALI (WAFAT 880H) DALAM PENGGUNAAN HADIS DI DALAM KITABNYA *AL-LUBAB FI ULUM AL-KITAB*: KAJIAN TERHADAP SURAH AL-DHUHA

Ahmad Kamel Mohamed ⁱ, Amran Abdul Halim, Syed Ahmad Termizi Syed Omar, Abdulloh Soleh

ⁱ(Corresponding author). Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Emel: kamel@usim.edu.my

ABSTRAK

Artikel ini akan membicarakan tentang pendekatan Ibnu Adel al-Hanbali dalam mengemukakan Hadis di dalam kitab tafsirnya, *al-Lubab Fi Ulum al-Kitab*. Penulis akan menghuraikan dengan terperinci metode yang diadopsi oleh Ibnu Adel serta meneliti peranan Hadis sebagai sumber rujukan dan argumen dalam interpretasi al-Quran yang beliau kemukakan dalam kitab beliau. Artikel ini juga berusaha untuk mengaitkan metode yang digunakan oleh Ibnu Adel dengan keperluan pentafsir kontemporer dalam karya mereka. Pemilihan kitab *al-Lubab* sebagai subjek kajian ini dilakukan kerana kitab ini merupakan sebuah KITAB tafsir yang besar dengan jumlah 20 jilid. Ini menunjukkan bahawa penulisnya adalah seorang ulama terkemuka pada masanya, meskipun kurang dikenali di rantau ini. Fokus artikel ini adalah pada surah al-Dhuha, untuk menilai sejauh mana Ibnu Adel menggunakan Hadis sebagai argumen beliau. Kajian mendapati bahawa Ibnu Adel mementingkan penggunaan hadis sebagai hujah dan sumber dalam mengarang kitab tafsirnya '*al-Lubab Fi Ulum al-Kitab*' akan tetapi beliau tidak konsisten dalam menyandarkan hadis kepada perawi yang terdekat atau dikenali sebagai *rawi a'la* di kalangan sahabat. Beliau tidak menyandarkan hadis-hadis tersebut dengan sanad yang sempurna sebagaimana yang dilakukan oleh ulamak-ulamak hadis serta tidak menyatakan status hadis samada saheh, dhaif ataupun mungkar. Beliau juga banyak mengambil pendapat-pendapat ulamak dari kitab-kitab yang beliau rujuk tanpa ada penjelasan lanjut.

Kata-kata kunci: Hadis, Ibnu Adel, al-Lubab

PENDAHULUAN

Al-Quran diturunkan sebagai panduan utama kepada manusia untuk mengenal dan mendekatkan diri kepada Allah Taala. Kitab suci ini merangkumi segala aspek kehidupan yang diperlukan manusia sebagai khalifah yang diamanahkan Allah untuk mentadbir bumi. Namun, disebabkan kandungannya yang sangat luas dan global, ianya memerlukan penjelasan dan tafsiran untuk memahami mesej-mesejnya dengan mendalam. Dengan cara ini, kehendak Allah Taala sebagai petunjuk bagi kehidupan manusia dapat dipenuhi. Oleh itu, Allah Taala telah mengutuskan para Rasul dari kalangan manusia sebagai perantara untuk menyampaikan ajaran Al-Quran kepada umat manusia. Hadis dan sunnah merujuk kepada segala yang keluar daripada

Rasul, dan kedua-duanya mempunyai kedudukan serta fungsi yang sangat penting dalam memenuhi kehendak Allah Taala dalam pelantikan manusia sebagai khalifah. Kepentingan hadis ini tidak boleh diabaikan dalam memahami kehendak sebenar Yang Maha Esa di dalam kitab sucinya al-Quran, kerana manusia tidak mampu memahami dengan tepat hanya melalui pembacaan dan rujukan kepada Al-Quran sahaja.

Sejak dahulu hingga kini, para ulama tafsir menjadikan hadis Nabi serta riwayat daripada para sahabat baginda s.a.w. sebagai hujah dan rujukan utama dalam menafsirkan Al-Quran. Hadis merupakan salah satu sumber terpenting dalam pentafsiran Al-Quran, menduduki tempat kedua selepas tafsir Al-Quran dengan Al-Quran itu sendiri. Dalam istilah Ilmu Hadis, kitab-kitab yang merujuk secara meluas kepada hadis dan athar dikenali sebagai "*kitab tafsir bi al-ma'thur*" yang berlawanan dengan "*tafsir bi al-ra'yi*" iaitu tafsir yang menggunakan ijtihad ulama berdasarkan situasi dan konteks semasa. Kaedah merujuk kepada hadis ini dipegang kuat oleh sebahagian besar ulama tafsir sebagai pendekatan yang wajib sebelum mereka menerapkan pandangan dan analisis peribadi dalam menafsirkan ayat-ayat Al-Quran.

KEDUDUKAN DAN FUNGSI HADIS TERHADAP AL-QURAN

Kedudukan dan fungsi hadis terhadap Al-Quran sangat penting, sebagaimana telah dinyatakan bahawa hadis adalah sumber kedua selepas Al-Quran yang dirujuk oleh para sahabat dalam menafsirkan Kitab Allah. Para sahabat sering merujuk kepada Rasulullah s.a.w. apabila berhadapan dengan ayat-ayat yang sukar difahami atau mengelirukan. Ketika hayat baginda, mereka akan meminta penjelasan, dan Rasulullah s.a.w. akan menjelaskan maksud tersembunyi dari ayat tersebut, kerana salah satu tugas baginda adalah sebagai pemberi penjelasan (al-bayan), seperti yang difirmankan oleh Allah Taala:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ¹

Ertinya:

Kami pula turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Al-Quran yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkannya.

Sesiapa yang merujuk kitab-kitab sunnah akan mendapati bahawa terdapat bab-bab khusus yang membahas penjelasan-penjelasan Nabi s.a.w. terhadap ayat-ayat Al-Quran yang dikenali sebagai *tafsir bi al-ma'thur*. Sebagai contoh, Rasulullah s.a.w. menjelaskan maksud ayat *المَغْضُوبُ عَلَيْهِمْ* dan *الضَّالِّينَ* dalam surah Al-Fatihah melalui sebuah hadis yang diriwayatkan oleh 'Adi bin Hibban. Dalam hadis tersebut, Rasulullah s.a.w. bersabda:

Sesungguhnya (المَغْضُوبُ عَلَيْهِمْ) adalah orang yahudi dan (الضَّالِّينَ) adalah orang kristian.²

¹ Al-Quran. Al-Nahl 16: 44

² Al-Zahabiy, 1989, 1/47

Secara ringkasnya, antara fungsi Hadis terhadap al-Quran ialah:

1. Bayan at-Taqrir

Bayan al-Taqrir juga disebut sebagai *Bayan al-Ta'kid* dan *Bayan al-Ithbat*, yang bermaksud menetapkan dan memperkuat apa yang telah dijelaskan di dalam Al-Quran. Dalam konteks ini, fungsi hadis adalah untuk memperkukuhkan kandungan Al-Quran. Contohnya, sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Muslim dari Ibnu Umar berbunyi sebagai berikut:

إِذَا رَأَيْتُمُوهُ فَصُومُوا، وَإِذَا رَأَيْتُمُوهُ فَأَفْطَرُوا، فَإِنْ غَمَ عَلَيْكُمْ فَاقْدُرُوا لَهُ³

Ertinya:

Apabila kamu melihat (ru'yah) bulan, maka berpuasalah, juga apabila melihat (ru'yah) itu maka berbukalah. Jika terhalang (oleh mendung) maka sempurnakan bilangan (Sya'ban) menjadi tiga puluh hari.

Hadis di atas datang mentaqrir ayat al-quran di bawah ini:

فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ⁴

Yang bermaksud:

Maka barang siapa yang mempersaksikan pada waktu itu bulan, hendaklah ia berpuasa

2. Bayan al-Tafsir

Bayan al-Tafsir merujuk kepada fungsi hadis dalam memperinci dan menafsirkan ayat-ayat Al-Quran yang bersifat umum (mujmal), memberikan syarat atau batasan (taqyid) terhadap ayat-ayat yang bersifat mutlak, dan mengkhususkan (takhsis) ayat-ayat yang masih umum. Contohnya, perintah mengenai solat, puasa, zakat, jual beli, pernikahan, qisas, dan hudud dalam Al-Quran masih bersifat umum, sama ada mengenai cara pelaksanaannya, sebab-sebabnya, syarat-syaratnya, atau halangan-halangan yang berkaitan. Oleh itu, Rasulullah s.a.w., melalui hadis dan sunnah, memperjelaskan dan mentafsirkan hal-hal tersebut. Contoh fungsi hadis sebagai bayan al-tafsir adalah:

صَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي، فَإِذَا حَضَرَتِ الصَّلَاةُ فَلْيُؤَدِّنْ لَكُمْ أَحَدُكُمْ وَلْيُؤَمِّكُمْ أَكْبَرُكُمْ⁵

³ Muslim, Ibn al-Hajjaj Abu al-Hasan al-Qusyairi al-Nisaburi (w. 261H), t.t., *Al-Masnad al-Saheh al-Mukhtasar bi Naqli al-Ad'li Ila Rasulillah s.a.w.*, Tahqiq: Muhammad Fuad al-Baqiy, Beirut, Dar Ihya' al-Turath al-Arabiyy, 2/760, no Hadis: 1080

⁴ Al-Quran. Al-Baqarah 2:185

⁵ al-Baihaqi, Ahmad bin Husain bin Ali bin Musa Abu Bakar, 1994, *Sunnan al-Baihaqi al-Kubra*, Makkah al-Mukarramah, Maktabah Dar al-Baz, 2/345

Ertinya:

Solatlah sebagaimana kamu lihat aku solat, apabila waktu solat telah masuk maka hendaklah salah seorang di antara kamu mengumandangkan azan dan yang lebih tua daripada kamu menjadi iman

Hadis ini menjelaskan bagaimana mendirikan solat. Sebab dalam al-Quran tidak dijelaskan secara terperinci, salah satu ayat yang memerintahkan solat adalah:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ⁶

Yang bermaksud:

dan dirikanlah solat tunaikanlah zakat dan ruku'lah bersama orang-orang yang ruku'

3. Bayan Tasyri'

Bayan al-Tasyri' merujuk kepada pengeluaran hukum atau ajaran yang tidak terdapat dalam Al-Quran, atau di mana Al-Quran hanya menyebutkan pokok-pokoknya. Hadis Rasul s.a.w., dalam berbagai bentuknya - baik qauli, fi'li, mahupun taqriri - berusaha menetapkan kepastian hukum untuk berbagai isu yang tidak dinyatakan dalam Al-Quran. Contoh hadis dalam kategori ini termasuk larangan mengumpul dua wanita adik-beradik, hukum *syuf'ah*, hukum merejam wanita pezina yang belum berkahwin, dan hukum tentang hak waris bagi seorang anak. Salah satu contohnya adalah hadis tentang zakat fitrah, yang diriwayatkan oleh Ibn Umar r.a.:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرَضَ زَكَاةَ الْفِطْرِ مِنْ رَمَضَانَ عَلَى النَّاسِ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ
أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ عَلَى كُلِّ حُرٍّ أَوْ عَبْدٍ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى مِنَ الْمُسْلِمِينَ.⁷

Ertinya:

Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. telah mewajibkan zakat fitrah kepada umat islam pada bulan Ramadhan satu sukatan (soa') kurma atau gandum untuk setiap orang, baik merdeka atau hamba, laki-laki atau perempuan muslim.

Hadis yang termasuk bayan al-Tasyri' ini wajib diamalkan sebagaimana mengamalkan hadis-hadis lain.

4. Bayan Nasikh

Kata *nasikh* secara literal bermaksud 'membatalkan', 'menghilangkan', 'memindahkan', dan 'mengubah'. Para ulama sering mendekati bayan al-Nasikh dari segi bahasa, yang menyebabkan

⁶ Al-Quran. Al-Baqarah 2:43

⁷ Al-Munziri, Abdul al-Azim bin Abd al-Qawiy (w. 656 H), 1987 M, *Mukhtasar Saheh Muslim*, Tahqiq: Muhammad Nasiruddin Albani, Beirut, al-Maktab al-Islami, 1/142

perbezaan pendapat dalam definisinya. Intinya, hukum yang datang kemudian menghapuskan hukum yang terdahulu, kerana hukum akhir dianggap lebih sesuai dengan kehendak Allah. Untuk suatu hukum dianggap tidak berkuatkuasa, syarat tertentu mesti dipenuhi, terutama adanya nasikh dan mansukh. Oleh itu, hadis, sebagai ketetapan yang datang selepas Al-Quran, boleh mengubah ketetapan yang terdapat dalam Al-Quran. Salah satu contoh yang sering dikemukakan oleh para ulama adalah:

لَا وَصِيَّةَ لَوَارِثٍ⁸

Artinya:

tidak ada wasiat bagi ahli waris.

Hadis ini menurut mereka menasakhkan isi firman Allah swt:

كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ إِنْ تَرَكَ خَيْرًا الْوَصِيَّةُ لِلْوَلَدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا
عَلَى الْمُتَّقِينَ⁹

Yang bermaksud:

Diwajibkan atas kamu, apabila seorang di antara kamu kedatangan (tanda-tanda) maut, jika ia meninggalkan harta yang banyak, berwasiat untuk ibu-bapa dan karib kerabatnya secara makruf, (ini adalah) kewajiban atas orang-orang yang bertakwa.

IBNU ADEL AL-HAMBALI DAN METODE NYA DALAM MENGGUNAKAN HADIS SEBAGAI PENGHUJAHAN TAFSIR AL-QURAN

Kajian ini membincangkan metode Ibnu Adel al-Hambali dalam menggunakan hadis sebagai hujah dalam penafsirannya, dengan fokus kepada kitab *al-Lubab*. Sebelum itu, penulis ingin memperkenalkan terlebih dahulu siapakah Ibnu Adel al-Hambali, kerana beliau kurang dikenali, terutama di rantau Nusantara.

PENGENALAN RINGKAS IBNU ADEL AL-HAMBALI

Dalam usaha untuk mengenali tokoh tafsir ini, penulis merujuk beberapa buku terjemahan biografi yang ditulis semasa era Ibnu Adel¹⁰ dan era selepasnya sedikit¹¹. Penulis mendapati

⁸ Al-Albaniy, Muhammad Nasruddin (w. 2000 H), 2002 M, *Mukhtasar Saheh al-Imam al-Bukhariy*, Riyadh, Maktabah al-Ma'arif li al-Nasyr wa Tauzi', 2/244.

⁹ Al-Quran. Al-Baqarah 2:180

¹⁰ Seperti al-Sakhawi, Shamsuddin Bin Abdul Rahman (902H), *al-Dhu' al-Lami' fi A'yan al-Qarni al-Tasi'*, Maktabah al-Hayat Beirut; Al-Suyuti, Abdul Rahman Bin Abi Bakar Jalaluddin(911H), *Tabaqat al-Mufasssirin*, Maktabah al-Wahbah, Qaherah 1396H;

¹¹ Seperti al-Daudi, Syamsuddin Mohammad Bin Ali Bin Ahmad (945H), *Tabaqat al-Mufasssirin*, Maktabah Wahbah Qaherah Cet. 2, Tahqiq Ali Mohammad Omar.

bahawa buku-buku tersebut tidak banyak menyebut mengenai Ibnu Adel, termasuklah buku-buku terjemahan biografi kontemporari.¹² Kebanyakan sumber yang menyebut beliau hanya memberikan ringkasan tanpa menyatakan dengan tepat tarikh dan tempat kelahirannya¹³. Catatan yang ada menunjukkan bahawa beliau menghabiskan tafsiran surah TaHa pada 15 Ramadhan tahun 880H.¹⁴, sementara pendapat lain menyatakan bahawa beliau selesai mengarang kitab *al-Lubab* pada tahun 879H. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa perbezaan ini berpunca daripada dua perkara:

Pertama, Imam Ibnu Adel tidak begitu dikenali oleh ahli sejarah Arab dan penulis buku terjemahan biografi. Hal ini mungkin disebabkan oleh sifat pemencilan diri beliau dari khalayak. Beliau mungkin menghindari pergaulan dengan orang ramai untuk fokus kepada ilmu dan ibadah, atau mungkin juga beliau tidak suka kepada publisiti, seperti yang berlaku kepada beberapa ulama terdahulu.

Kedua, terdapat kekurangan sumber dan rujukan pada zaman beliau, di mana penulisan tentang Ibnu Adel dilakukan oleh ulama setelah beliau yang juga bergantung kepada maklumat dari sumber-sumber sebelumnya. Hal ini mungkin menyumbang kepada kurangnya informasi yang tepat mengenai kehidupan dan sumbangan beliau..

Dari apa yang dinyatakan di atas, dapat disimpulkan bahawa al-Imam Ibnu Adel al-Hambali hidup sekitar tahun 880H, bahkan mungkin lebih awal, iaitu pada kurun kesembilan Hijrah. Namun, semua pendapat ini tidak dapat menentukan dengan tepat tarikh lahir dan tempat kelahirannya. Kesemua buku terjemahan biografi yang ditemui tidak mencatatkan tarikh lahir beliau, begitu juga dengan tarikh kewafatannya. Kebanyakan sumber hanya menyebut bahawa Ibnu Adel masih hidup pada tahun 880H dan selepasnya, tetapi tidak memberikan maklumat spesifik mengenai tarikh dan tempat beliau meninggal dunia..¹⁵

KEHIDUPAN ILMIAH IBNU ADEL

Sebagaimana tidak ada kepastian mengenai kelahiran dan kewafatan Ibnu Adel, begitu juga dengan kehidupan dan latar belakangnya yang terperinci. Maklumat tentang zaman kanak-kanaknya, perjalanan menuntut ilmu, serta waktu beliau mula mengarang atau mengajar di masjid sangat terhad. Ahli sejarah hanya memiliki sedikit maklumat mengenai tokoh ini, yang kebanyakannya berdasarkan manuskrip yang dipercayai tulisan tangan beliau dan terdapat catatan tarikh pada beberapa helaian. Dari situ, kita dapat membuat kesimpulan mengenai zaman yang dilalui oleh beliau, tetapi banyak aspek kehidupan beliau masih kekal misteri.

Tiada satu pun buku terjemahan biografi yang menceritakan tentang kehidupan beliau, terutama dalam aspek kehidupan ilmiah, seperti siapakah guru-guru beliau, dari mana riwayat-riwayat ilmu beliau, dan siapa murid-murid yang berguru dengan beliau. Memandangkan ketinggian ilmunya, sudah pasti beliau pernah mendampingi guru-guru yang hebat dan pasti juga

¹² Seperti al-Adnahwi, Ahmad Bin Mohammad (Ulama' kurun ke 11H), *Tabaqat al-Mufasssirin*, Maktabah al-Ulum wa al-Hukm, al-Madinah al-Munawwarah; Haji Khalifah, Mustafa Bin Abdullah (w. 1067H), 1941, *Kashfu al-Zunun 'An Asami al-Kutub wa al-Funun*, Maktabah al-Muthanna, Baghdad.

¹³ Seperti al-Zirikli, Khairuddin Bin Mohammad, 1990, *Al-A'lam Qamus Tarajum Li Asyhar al-Rijal Wa al-Nisa' min al-'Arab Wa al-Mustaghribin Wa al-Mustasyriqin*, Beirut, Lubnan, Dar al-Ilmi Lil-Malayin.

¹⁴ Al-Zirikli, *al-a'lam*, 5/85.

¹⁵ Al-Zirikli, *al-a'lam*, 5/58

melahirkan murid-murid yang berkualiti. Namun, kekurangan maklumat mengenai hubungan ini menyukarkan kita untuk memahami sepenuhnya perjalanan ilmiah beliau.

Walaupun asal usul beliau tidak diketahui dengan jelas, kitab-kitab yang dihasilkan oleh Ibnu Adel menunjukkan bahawa beliau adalah seorang yang sangat alim, dengan pengetahuan yang luas dalam tafsir serta ilmu-ilmu lain yang berkaitan. Kitab *Al-Lubab Fi Ulum al-Kitab* menjadi bukti kepada kedudukan beliau yang istimewa dalam senarai ahli tafsir. Apabila kita menelaah kitab ini, kita akan mendapati ia sangat kaya dengan pelbagai cabang ilmu pengetahuan, yang menunjukkan bahawa beliau pernah berguru dengan tokoh-tokoh tafsir yang hebat selama jangka waktu yang panjang sehingga melahirkan karya yang amat berharga ini.

Walaupun kita tidak dapat mengetahui dengan tepat tentang kehidupan beliau, kita masih boleh melihat suasana dan persekitaran yang berlaku pada zaman beliau. Seseorang sudah semestinya akan terpengaruh dengan keadaan sekelilingnya. Zaman yang beliaualui memberikan gambaran mengenai aspek sosial, ekonomi, dan ilmiah yang mempengaruhi kehidupan beliau. Dengan memahami konteks sejarah ini, kita dapat memperoleh insight yang lebih mendalam mengenai cabaran dan pengalaman yang dihadapi oleh Ibnu Adel dalam perjalanan ilmiahnya.

Berdasarkan catatan dalam buku-buku terjemahan biografi seperti *al-‘A’lam* oleh al-Zirikli, *al-Dhu’ al-Lami’* oleh al-Sakhawi, *Tabaqat al-Mufasssin* oleh Sayuti dan al-Daudi, dapat disimpulkan bahawa Ibnu Adel meninggal dunia selepas tahun 880H dan menghabiskan kehidupannya di kurun kesembilan Hijrah. Zaman ini adalah zaman pemerintahan Mamalik di Mesir, yang bermula pada tahun 648H. Konteks sejarah ini mungkin telah mempengaruhi pemikiran dan karya beliau dalam bidang tafsir.¹⁶

Secara ringkas, kehidupan umat Islam pada masa itu di bawah pemerintahan Mamalik adalah sangat gemilang. Negeri-negeri di bawah pemerintahannya mengalami kemajuan pesat dalam pelbagai aspek, terutama dalam perkembangan ilmu pengetahuan. Mesir, dengan Kaherah sebagai ibu negeri kerajaan Mamalik, menjadi pusat tumpuan bagi pedagang dan mereka yang datang menuntut ilmu, tidak kira dari timur mahupun barat. Keadaan ini menciptakan suasana intelektual yang subur, yang tentunya mempengaruhi pemikiran dan karya tokoh-tokoh ilmuwan seperti Ibnu Adel.

Ibnu Adel hidup di zaman pemerintahan Mamalik Burjiyyah, yang berlangsung dari tahun 784H hingga 923H. Sejarah mencatatkan bahawa dinasti ini dinamakan Mamalik Burjiyyah kerana Sultan Mansur Qalawun, yang memerintah sebelum itu, telah menempatkan dan mendidik golongan ini yang terdiri daripada orang-orang Zarkasyi. Periode ini menyaksikan kemajuan dalam pelbagai bidang, termasuk ilmu pengetahuan dan pendidikan, yang memberi kesan besar kepada perkembangan masyarakat dan pemikiran Islam pada masa itu.¹⁷ di menara-menara kubu. Apabila mereka memegang tampuk pemerintahan maka dinamakan sebagai Mamalik Burjiyyah.¹⁸

¹⁶Al-Ibadi, Ahmad Mokhtar, 1988, *Qiyam Daulah al-Mamalik al-‘ula Fi Misr wa al-Sham*, Mu’assasah Shabab al-Jamiah, Iskandariyah, 81.

¹⁷Askar-askar upahan dari Negara Zarkasyi di Balkan yang diambil oleh pemerintah Al- Ayyubiy. Mereka ini ditempatkan di menara-menara kubu. Mereka mengambil alih tampuk pemerintahan sesudah berakhirnya pemerintahan Al-Ayyubiy bermula dari tahun 648H.

¹⁸Shalabi, Dr Ahmad, 1982, *Mausu’ah Al-Tarikh Al-Islami*, Maktabah Al-Nahdhah Al-Misriyyah, Cet. 5, 5/200. Ibrahim Tarkhan, 1961, *Misr Fi Asr Daulah Al-Mamalik Al-Jarakasah*, Kaherah, 60.

Raja-raja Mamalik Burjiyyah telah memainkan peranan besar dalam mewujudkan persekitaran yang mesra ilmu pengetahuan, yang melahirkan ramai ilmuwan masyhur dalam pelbagai bidang, termasuk Ibnu Adel al-Hambali. Antara ulama yang muncul di zaman ini adalah Siraj Al-Din Al-Balqini dalam bidang fiqh, Taqiuddin Al-Maqrizi dalam bidang sejarah, Jalal Al-Din Al-Mahalli dalam bidang tafsir, dan Ibnu Hajar Al-Asqalani dalam bidang hadis. Selain itu, Jalaluddin Al-Suyuti, seorang ulama terkenal dengan pelbagai cabang ilmu pengetahuan, juga lahir pada zaman Mamalik Al-Burjiyyah. Keterlibatan raja-raja dalam memajukan pendidikan menjadikan zaman ini sangat signifikan dalam sejarah ilmu Islam.

KEDUDUKAN IBNU ADEL AL-HAMBALI

Sesiapa yang membaca dan menelaah kitab *al-Lubab* akan menyedari bahawa Ibnu Adel al-Hambali adalah seorang yang alim dalam pelbagai cabang ilmu. Kitab ini sendiri menjadi bukti kehebatan beliau sebagai seorang ulama. Ibnu Adel termasuk dalam golongan ulama yang mengorbankan sepenuh jiwa, raga, umur, dan kehidupan mereka untuk menghasilkan kajian, penelitian, dan karya-karya ilmiah yang memberikan sumbangan besar kepada masyarakat. Dedikasi dan komitmen beliau dalam bidang ilmu pengetahuan jelas terlihat dalam setiap karya yang dihasilkan.

Pengenalan Ringkas Kitab *AL-LUBAB FI ULUM AL-KITAB*

Kitab *al-Lubab* adalah sebuah karya yang dikarang oleh Ibnu Adel al-Hambali, tergolong dalam kategori tafsir bi al-Ra'y. Beliau memulakan pentafsiran dengan mengikuti tertib susunan al-Quran, bermula dari surah al-Fatihah hingga surah al-Nas. Kitab ini terdiri daripada 20 jilid, menjadikannya sebuah kitab tafsir yang agak besar, yang mencerminkan pendirian dan keperibadian pengarangnya. *al-Lubab* telah lama tersimpan dalam bentuk manuskrip, sebelum ditahqiq dan dicetak buat pertama kalinya pada tahun 1998 oleh beberapa ilmuwan melalui kajian ilmiah. Salah satu keistimewaan besar yang terdapat dalam *al-Lubab* adalah penggunaan syair yang melimpah, dengan lebih daripada 5000 buah syair dari awal hingga akhir surah. Syair-syair ini telah ditahqiq, ditakhrij, dan dinomborkan oleh kumpulan yang melakukan kajian terhadapnya, menjadikannya satu usaha yang sangat besar dan bernilai.

SUMBER-SUMBER IBNU ADEL DALAM KITAB TAFSIR *AL-LUBAB FI ULUM AL-KITAB*

Orang alim tidak menjadi alim dengan sendirinya; mereka pasti telah melalui proses pembelajaran yang mendalam daripada orang-orang alim sebelumnya. Seorang pengarang juga tidak akan mencapai tahap keahlian tanpa merujuk kepada karya-karya orang lain dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Karangan dan kitab-kitab tersebut menjadi sumber rujukan penting yang membantu mereka dalam menghasilkan karya-karya baru. Proses ini adalah sebahagian daripada tradisi ilmiah yang menghargai pengetahuan dan pengaruh daripada generasi terdahulu.

Tujuan untuk mencari dan menggali sumber-sumber ini adalah untuk mendedahkan punca dan sumber ilmu pengetahuan yang digunakan oleh ahli tafsir dalam menghasilkan karya mereka. Hal ini juga berlaku kepada Imam Ibnu Adel al-Hambali, yang merujuk kepada pelbagai sumber dan cabang ilmu daripada ulama-ulama lain dalam menyusun kitab **al-Lubab**. Secara ringkas, sumber-sumber ini dapat dibahagikan kepada empat bahagian:

- Sumber dari kitab-kitab Tafsir dan Ulum al-Quran.
- Sumber dari kitab-kitab Sunnah dan Sirah.
- Sumber dari kitab-kitab Feqah dan Usul.
- Sumber dari kitab-kitab Nahu dan *Lughah*.

KAEDAH PERSEMBAHAN KITAB *AL-LUBAB*

Kaedah yang digunakan oleh Ibnu Adel dalam memaparkan metodologi penafsiran di dalam kitab *al-Lubab Fi Ulum al-Kitab* adalah dengan memulakan penafsiran surah-surah mengikut susunan dalam mushaf al-Quran, bermula dengan surah al-Fatihah dan diakhiri dengan surah al-Nas. Pendekatan ini adalah umum di kalangan ahli tafsir, di mana mereka menafsirkan ayat-ayat mengikut tertib dan susunan surah dalam mushaf al-Quran. Kaedah ini membantu pembaca memahami konteks dan urutan wahyu yang diturunkan.

Kitab *al-Lubab* dianggap sebagai kitab tafsir yang menggunakan kaedah tafsili atau tafsiran secara terperinci, serupa dengan Tafsir Ibnu Kathir dan karya-karya lain. Setiap kumpulan ayat, sama ada satu atau beberapa ayat, akan ditafsirkan secara mendalam, termasuk menyebut makna seerti, i'rab, qiraat, serta perbahasan bahasa dari sudut isyitiqaq, balaghah, dan soraf. Sebagai contoh, dalam surah al-Baqarah, ayat pertama digabungkan dengan ayat kedua, sebagaimana firman Allah Taala:

أَلَمْ ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ¹⁹

Yang bermaksud:

Alif, Laam, Miim, Kitab al-Quran ini tidak ada yang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang bertaqwa.

Pada permulaan, Ibnu Adel menerangkan makna (الم) dengan memperincikan perbezaan dari segi i'rab dan pengertian huruf hija'iyah. Perbahasan yang dikemukakan amat mendalam, di mana beliau menjelaskan secara terperinci perbezaan dan perselisihan setiap pandangan ulama. Beliau juga mentarjihkan pendapat-pendapat tersebut dengan menyokongnya melalui syair dan perumpamaan Arab sebagai dalil untuk mengukuhkan pilihan yang dibuat. Pendekatan ini menunjukkan ketelitian dan keilmuan beliau dalam menafsirkan ayat-ayat al-Quran.

Demikian juga dari segi qiraat, beliau akan membawa beberapa pendapat qiraat samaada pendapat yang *mutawatir* mahupun *syaz* dengan membincangkan setiap qiraat beserta menyebut takhrijnya.

¹⁹ Al-Quran. Al-Baqarah 2:1-2

Ibnu Adel sangat mementingkan ketelitian dalam setiap ulasannya mengenai ilmu yang terkandung dalam ayat. Ketika membicarakan aspek bahasa, beliau akan menyelesaikan topik tersebut secara menyeluruh, menghindari pengulangan. Begitu juga, apabila beliau mengulas dari sudut qiraat, beliau akan membahasnya dengan jelas dan mendalam sebelum beralih kepada perkara lain. Pendekatan ini mencerminkan dedikasi beliau dalam memastikan pemahaman yang tepat dan komprehensif tentang setiap aspek tafsiran.

PENDEKATAN IBNU ADEL AL-HAMBALI DALAM MENGGUNAKAN HADIS/SUNNAH SEBAGAI PENGHUJAHAN TAFSIR AL-QURAN

Kitab-kitab hadis dan sunnah merupakan rujukan asas yang penting bagi Ibnu Adel dalam mentafsirkan al-Quran. Tidak ada yang lebih memahami Kitab Allah selain Rasulullah s.a.w., yang menjadi perantaraan wahyu tersebut. Oleh itu, adalah sangat penting bagi ahli tafsir untuk merujuk kepada tafsiran Rasulullah s.a.w. sebelum melangkah ke tafsiran al-Quran agar mereka tidak mendahului atau menyalahkan baginda dalam penafsiran Kitab Allah. Tafsiran dari Rasulullah s.a.w. adalah wahyu dari Allah Taala, sebagaimana dinyatakan dalam firman-Nya.

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۖ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ²⁰

Yang bermaksud:

Dan dia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (samada Al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.

Kitab *al-Lubab* mengandungi banyak hadis Nabi s.a.w. serta riwayat-riwayat dari sahabat baginda. Antara sumber yang digunakan oleh Ibnu Adel adalah kitab-kitab hadis seperti Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abi Daud, Sunan al-Termizi, Sunan al-Nasa'ie, dan Sunan Ibn Majah, yang dikenali sebagai Sunan Sittah. Selain itu, beliau juga merujuk kepada kitab Sunan al-Daruqatni, Sunan al-Darimi, dan Muwatta' Imam Malik. Kitab-kitab sirah, terutama Sirah Ibn Ishak, juga menjadi rujukan penting bagi Ibnu Adel dalam mentafsirkan ayat-ayat yang berkaitan dengan peperangan Nabi.

SKOP KAJIAN

Dalam kajian ini, penulis memfokuskan kepada penghujahan dari hadis-hadis Nabi s.a.w. dalam kitab tafsir *al-Lubab*, tanpa mempertimbangkan penafsiran oleh para sahabat yang juga terdapat dalam kitab tersebut, walaupun itu termasuk dalam *tafsir bi al-ma'thur*. Selain itu, kajian ini terhad kepada surah al-Dhuha, memandangkan bilangan ayatnya yang sedikit, untuk menilai sejauh mana penggunaan hadis-hadis Nabi oleh pengarang *al-Lubab*. Surah al-Dhuha berada di kedudukan yang ke 93 dalam tertib mashaf. Al-Dhuha merupakan surah Makkiyah dan ianya mempunyai 11 ayat. Surah ini dinamakan surah al-Dhuha disebabkan ianya bermula dengan sumpah Allah Taala dengan lafaz al-Dhuha yang bermaksud permulaan terbitnya siang hari ketika matahari naik. Disebut waktu dhuha ini menunjukkan ianya merupakan satu waktu yang

²⁰ Al-Quran. Al-Najm 53:3-4

penting iaitu cahaya *al-dhuha* dan ianya turun disaat kelam yang dihadapi oleh Nabi S.A.W. lalu dibuka surah ini dengan (والضحى).²¹

Dalam menelusuri kitab *al-Lubab*, khususnya dalam surah al-Dhuha, penulis hanya menemui **15 hadis** yang disandarkan terus kepada Rasulullah s.a.w. Penulis mendapati tujuh aspek dari segi pendekatan penghujahan hadis oleh Ibnu Adel dalam kitab beliau, seperti berikut:

1. Tidak menyebut sanad atau sandaran hadis kecuali perawi di kalangan sahabat.

Dalam meriwayatkan hadis Nabi s.a.w. di dalam kitab beliau *al-Lubab*, Ibnu Adel tidak menyertakan sanad hadis kecuali sebahagian hadis hanya disebut nama sahabat yang meriwayatkan dari Nabi s.a.w.. Ibnu Adel banyak menukikan secara langsung dari kitab-kitab yang menjadi rujukan beliau seperti *al-Durru al-Masun* karangan al-Sayuti, *al-Tafsir al-Kabir* karangan al-Tabari, kitab al-Jami' Li Ahkami al-Quran yang juga tidak menyatakan sanad. Hampir sebahagian hadis yang terdapat dalam kitab *al-Lubab* hanya disebut "قال النبي" atau "قال رسول الله" sahaja dan sebahagian besar yang lain hanya disebut perawi di kalangan sahabat seperti Abu Hurairah, Ibnu Abbas, Abu Said al-Khadri dan lain-lain. Antara contohnya hadis yang menceritakan tentang sebab nuzul Surah Al-Dhuha sebagaimana berikut:

فقال المشركون: إن محمداً صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فلاه ربه وودعه، ولو كان أمره من الله لتابع عليه كما كان يفعل بمن كان قبله من الأنبياء، فنزلت هذه الآية²²

Ibnu Adel hanya menyebut "kata orang-orang musyrikin" tanpa menyandarkan kepada mana-mana Riwayat. Cuma dalam satu lagi hadis, Ibnu Adel menyebut Riwayat dari Bukhari sebagaimana berikut:

وروى البخاري عن جندب بن سفيان قال: اشتكى رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فلم يقم ليلتين، أو ثلاثاً، فجاءت أم جميل امرأة أبي لهب - لعنة الله عليها - فقالت: يا محمد، إني لأرجو أن يكون شيطانك قد تركك، لم أره قريبك ليلتين، أو ثلاث، فأنزل الله تعالى: ((والضحى والليل إذا سجى ما ودّعك ربك وما قلى))²³.

2. Tidak menyatakan status hadis saheh, dhaif ataupun mungkar. Ibnu Adel mengambil pendekatan tidak menyatakan status hadis disebabkan beliau banyak nukilkan pernyataan dalam kitab beliau dari kitab-kitab lain seperti dari tafsir abu hayyan dan lain-lain yang juga tidak menyatakan status hadis.

3. Menukikan pendapat ulamak tanpa penjelasan tambahan. Banyak nukilan pendapat ulamak dari kitab yang dirujuk oleh beliau termasuk hadis-hadis tanpa memberi penjelasan lanjut dalam menyebut pendapat ulamak.

²¹ Zuhaili, Dr. Wahbah, 1991, *Al-Tafsir Al-Munir Fi Al-Aqidah Wa Al-Syariah Wa al-Minhaj*, Beirut, Dar al-Fikr al-Mu'asir, Cet 1. J.30, 279

²² Ibnu Adel al-Hambali, Abu Hafas Omar bin Ali, (1998). *al-Lubab Fi Ulum al-Kitab*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Lubnan, 20/ 384.

²³ Ibid, 20/384

4. **Penghujahan hadis dalam aspek penerangan isu.** Penulis mendapati Ibnu Adel mementingkan penghujahan hadis dalam menjelaskan satu-satu isu seperti isu penamaan surah, isu dalam menerangkan sebab nuzul, isu kelebihan surah dan lain-lain. Ianya boleh dilihat di perbincangan surah al-Dhuha ini, terdapat 4 hadis yang di bawa oleh Ibnu Adel dalam menerangkan sebab nuzul surah al-Dhuha. Ibnu adel telah membawa satu hadis yang diriwayatkan oleh Jandab bin Abi Sufyan sebagaimana hadis di atas.

5. **Penghujahan hadis dalam menerangkan tentang lafaz samaada dari sudut penggunaan bahasa mahupun makna lafaz.**

Dalam menjelas dan menerangkan makna lafaz al-Quran sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah Taala, sudah tentu rujukan yang utama selepas al-Quran ialah hadis-hadis Nabi s.a.w.. Dalam hal ini, penulis mendapati terdapat banyak hadis yang digunakan oleh Ibnu Adel samaada yang beliau bawa sendiri ataupun dinukilkan dari kitab-kitab lain yang beliau rujuk. Sebagai contoh dalam menerangkan tentang makna:

(وَلَا آخِرَ خَيْرٍ لَّكَ مِنَ الْأُولَى) Ibnu Adel membawa satu hadis yang diriwayatkan oleh 'Ilqimah dari Abdullah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

"إِنَّا أَهْلَ بَيْتٍ اخْتَارَ اللَّهُ لَنَا الْآخِرَةَ عَلَى الدُّنْيَا".²⁴

Ertinya:

Aku di kalangan Ahl Bait. Allah Taala memilih kami mendahulukan akhirat ke atas dunia.

6. **Penghujahan hadis dalam menerangkan kelebihan surah al-Dhuha.** Ibnu Adel menukilkan riwayat tentang kelebihan surah al-Dhuha dalam hadis yang diriwayatkan Ubai Bin Ka'ab, Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

مَنْ قَرَأَ سُورَةَ الضُّحَى كَانَ فِي مَنْ يَرْضَاهُ اللَّهُ تَعَالَى لِمُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يَشْفَعَ لَهُ،
وَكُتِبَ اللَّهُ تَعَالَى لَهُ مِنَ الْحَسَنَاتِ بَعْدُ كُلِّ يَتِيمٍ وَسَائِلٍ²⁵

Ertinya:

Barangsiapa yang membaca surah al-Dhuha, dia termasuk dalam golongan yang diredhai oleh Allah Taala untuk Muhammad agar dapat memberi syafaat kepadanya, dan Allah mencatat baginya pahala sebanyak bilangan setiap anak yatim dan orang yang meminta.

7. **Penghujahan hadis dalam menerangkan kelebihan anak yatim.** Ibnu Adel juga membawa beberapa hadis nabi s.a.w. dalam menjelaskan kelebihan anak yatim yang terdapat dalam surah al-Dhuha. Sebagai contoh, Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ مَسَحَ بِرَأْسِ يَتِيمٍ كَانَ لَهُ بِكُلِّ شَعْرَةٍ حَسَنَةٌ²⁶

²⁴ Ibid, 20/386

²⁵ Ibid, 20/395

²⁶ Ibid, 1/235

Ertinya:

Siapa yang mengusap kepala anak yatim, akan dicatat baginya setiap helai rambut sebagai satu kebaikan.

Dan banyak lagi hadis-hadis lain yang dibawa oleh Ibnu Adel dalam menceritakan kelebihan anak yatim.

KESIMPULAN

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa Allah Taala menurunkan al-Quran ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. di dalam bahasa Arab yang jelas lagi nyata. Ulamak yang ingin berkecimpung dalam pentafsiran ayat-ayat suci al-Quran sudah tentu perlu memiliki keilmuan yang jitu dalam pelbagai cabang ilmu termasuk ilmu Hadis samada ilmu dirayah mahupun riwayat, ilmu bahasa dan lain-lain hingga mampu memahami kehendak-kehendak Allah Subhanahu wa Taala. Hadis merupakan salah satu sumber utama dalam pentafsiran al-Quran, sebagaimana yang disebut sebelum ini dimana ia mengungguli di kedudukan kedua dalam senarai sumber pentafsiran al-Quran selepas tafsir al-Quran dengan al-Quran. Ulamak-ulamak tafsir tidak boleh lari dari menggunakan hadis-hadis Rasulullah s.a.w. sebagai sumber rujukan semenjak dahulu hinggalah sekarang. Hujahan-hujahan hadis terus menjadi pilihan dalam karangan-karangan ulamak tafsir.

Kesimpulan dari kajian ini, beberapa perkara penting yang perlu diketahui oleh kita berkenaan penghujahan Ibnu Adel menggunakan hadis dalam pentafsiran al-Quran sebagaimana berikut:

1. Ibnu Adel banyak menukikan pendapat-pendapat ulamak dari kitab-kitab yang menjadi rujukan beliau termasuk hadis-hadis di dalamnya tanpa banyak membuat penjelasan tambahan.
2. Ibnu Adel tidak menyandarkan hadis-hadis tersebut dengan sanad yang sempurna sebagaimana yang dilakukan oleh ulamak-ulamak hadis.
3. Ibnu Adel tidak menyatakan status hadis samada saheh, dhaif ataupun mungkar.
4. Secara umumnya, Ibnu Adel mementingkan penggunaan hadis sebagai hujah dan sumber dalam mengarang kitab tafsirnya '*al-Lubab Fi Ulum al-Kitab*' cuma beliau tidak konsisten dalam menyandarkan hadis kepada perawi yang terdekat atau dikenali sebagai *rawi a'la* di kalangan sahabat. Ada Matan yang dinyatakan nama sahabat dan banyak juga didapati riwayat yang hanya menyebut "قال النبي" atau "قال رسول الله".

Diharap kajian ini sedikit sebanyak boleh memberi manfaat kepada kita semua dalam memberi khidmat kepada al-Quran yang tidak ada di dalamnya kebatilan, menjadi petunjuk sepanjang zaman. Wassalam.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Al-Quran dan Terjemahannya, (1997). *Mujamma' al-Malik Fahd Li Thiba'ah al-Mushaf al-Syarif*, Madinah Munawwarah.

Ahmad bin Husain bin Ali bin Musa Abu Bakar al-Baihaqi, 1994, *Sunnan al-Baihaqi al-Kubra*, Makkah al-Mukarramah, Maktabah Dar al-Baz.

Al-Adnahwi, Ahmad Bin Mohammad (Ulama' kurun ke 11H), 1997 M, *Tabaqat al-Mufasssirin*, Tahqiq: Sulaiman Bin Saleh al-Khuzi, al-Madinah al-Munawwarah, Maktabah al-Ulum wa al-Hukm.

Al-Albaniy, Muhammad Nasruddin (w. 2000 H), 2002 M, *Mukhtasar Saheh al-Imam al-Bukhariy*, Riyadh, Maktabah al-Ma'arif li al-Nasyr wa Tauzi'.

Al-Askary, Abu Hilal, (1952). *al-Sina'at*, Kaherah.

Al-Baihaqi, Ahmad bin Husain bin Ali bin Musa Abu Bakar, 1994 M, *Sunnan al-Baihaqi al-Kubra*, Makkah al-Mukarramah, Maktabah Dar al-Baz.

Al-Daudi, Syamsuddin Mohammad Bin Ali Bin Ahmad (945H), *Tabaqat al-Mufasssirin*, Tahqiq: Ali Mohammad Omar, Qaherah, Maktabah Wahbah Cet. 2.

Al-Farahidi, Abu Abdul Rahman al-Khalil bin Ahmad, *Kitab al-Ain*, t.t, Darul Maktabah al-Hilal, Mesir.

Al-Halaby, Abu al-Abbas Syihabuddin Ahmad bin Yusoff bin Abdul al-Daim (W 756), t.t., *al-Durr al-Masun Fi Ulum al-Kitab al-Maknun*, Damsyik, Dar al-Qalam.

Al-Ibadi, Ahmad Mokhtar, 1988, *Qiyam Daulah al-Mamalik al-'ula Fi Misr wa al-Sham*, Mu'assasah Shabab al-Jamiah, Iskandariyah.

Al-Jazari, 'Izzu al-Din bin al-Athir, 1400H, *al-Lubab Fi Tahzib al-Ansab*, Beirut, Dar Sadir.

Al-Munziri, Abdul al-Azim bin Abd al-Qawiy (w. 656 H), 1987 M, *Mukhtasar Saheh Muslim*, Tahqiq: Muhammad Nasiruddin Albani, Beirut, al-Maktab al-Islami.

Al-Sakhawi, Shamsuddin Bin Abdul Rahman (902H), *al-Dhu' al-Lami' fi A'yan al-Qarni al-Tasi'*, Beirut; Maktabah al-Hayat.

Al-Suyuti, Abdul Rahman Bin Abi Bakar Jalaluddin (911H), 1396H, *Tabaqat al-Mufasssirin*, Qaherah, Maktabah al-Wahbah.

Al-Zabidy, Muhibbuddin Abi Fayyidh al-Sayyid Muhammad Murtadha al-Huseini al-Wasti al-Hanafi, (1994). *Taj al-Arus min Jawahir al-Qamus*, , Dar al-Fikr, Beirut.

Al-Zahabiy, Dr. Muhammad Hussin(w. 1398 H), 1989, *al-Tafsir wa al-Mufasssirun*, al-Kaherah: Maktabah Wahbah.

Al-Zirikli, Khairuddin Bin Mohammad, 1990, *Al-A'lam Qamus Tarajum Li Asyhar al-Rijal Wa al-Nisa' min al-^cArab Wa al-Mustghribin Wa al-Mustasyriqin*, Beirut, Lubnan, Dar al-Ilmi Lil-Malayin.

Haji Khalifah, Mustafa Bin Abdullah (w. 1067H), 1941, *Kashfu al-Zunun ^cAn Asami al-Kutub wa al-Funun*, Baghdad, Maktabah al-Muthanna.

Ibnu Adel, Abu Hafas Omar bin Ali al-Hambali, (1998). *al-Lubab Fi Ulum al-Kitab*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Lubnan.

Ibrahim Tarkhan, 1961, *Misr Fi Asr Daulah Al-Mamalik Al-Jarakasah*, Qaherah.

Makki, al-Aani Sami Makki, al-Islam wa al-Syi'r, *Salsilah Mansyuurat Alam al-Makrifah*, al-Kuwait, al-Majlis al-Watani lil-Thaqafah wa al-Funun wa al-Adab.

Muslim, Ibn al-Hajjaj Abu al-Hasan al-Qusyairi al-Nisaburi (w. 261H), t.t., *Al-Masnad al-Saheh al-Mukhtasar bi Naqli al-Ad'li Ila Rasulillah s.a.w.*, Tahqiq: Muhammad Fuad al-Baqiy, Beirut, Dar Ihya' al-Turath al-Arabiy.

Shalabi, Dr Ahmad, 1982, *Mausu'ah Al-Tarikh Al-Islami*, Qaherah, Maktabah Al-Nahdhah Al-Misriyyah, Cet. 5.

Zuhaili, Dr. Wahbah, 1991, *Al-Tafsir Al-Munir Fi Al-Aqidah Wa Al-Syariah Wa al-Minhaj*, Beirut, Dar al-Fikr al-Mu'asir, Cet 1.